



MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA AKADEMIK PENGAJIAN SISWAZAH UNIVERSITI (JAPSU)
BIL. 2-2020/2021

TARIKH : 23 NOVEMBER 2020 (Isnin)
MASA : 9.00 PAGI
TEMPAT : SECARA DALAM TALIAN (Webex)

BIL	HADIR	FAKULTI/JABATAN	S/K
1.	Prof. Madya Dr. Noor Hazarina Hashim	Sekolah Pengajian Siswazah (Pengerusi)	1/2
2.	Prof. Dr. Nazri bin Ali	Sekolah Pengajian Siswazah	2/2
3.	Prof. Madya Dr. Siti Zaleha Abdul Rasid	Sekolah Pengajian Siswazah (UTMKL)	2/2
4.	Prof. Madya Dr. Siti Sophiayati Yuhaniz	Sekolah Pengajian Siswazah (UTMKL)	2/2
5.	En. Zurik Azaham bin Aris	Malaysian-Japan International Institute of Technology (MJIIT)	2/2
6.	Pn. Khairani binti Ibrahim	Pejabat Pendaftar Akademik UTM (UTM ARO)	2/2
7.	En. Abdul Razak Abdul Aziz	Bahagian Pengurusan Akademik (AMD)	2/2
8.	En. Asram bin Sulaiman @Saim	Fakulti Kejuruteraan	1/2
9.	En. Nasir bin Osman	Fakulti Teknologi dan Informatik RAZAK (FTIR)	1/2
10.	En. Abdul Jalil bin Maulani	Fakulti Alam Bina dan Ukur (FABU)	1/2
11.	Cik Radiatul Hadaviyah binti Ramlan	Azman Hashim Business School (AHIBSKL)	2/2
12.	Cik Hazlina binti Stam	Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan (FSSK)	2/2
13.	Puan Norharyani binti Hamid	Azman Hashim Business School (AHIBSKL)	2/2
14.	Pn. Syahida Fadilla binti Mokhtar	Fakulti Sains (FS)	2/2
15.	Pn. Najwa binti Mohamed	Bahagian Rekrutmen & Pengambilan Mahasiswa (SRAD)	2/2
16.	Puan Safriza binti Sabjah	Bahagian Pengurusan Akademik (AMD)	2/2
17.	Pn. Nor Qamariah binti Othman	Azman Hashim Business School (AHIBSJB)	1/2
18.	Pn. Nurun Nazrah binti Ahmad	Fakulti Alam Bina dan Ukur (FABU)	2/2
19.	En. Mohd Zaires Md Daris	Sekolah Pengajian Siswazah	2/2

BIL	TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)	FAKULTI/JABATAN	S/K
1.	Dr. Norah binti Md Noor	Sekolah Pengajian Siswazah	1/2
2.	Prof. Madya Dr. Kassim bin Jalil	Bahagian Rekrutmen & Pengambilan Mahasiswa (SRAD)	0/2
3.	En. Khairull Azmi bin Ishak	Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan (FSSH)	0/2
4.	Pn. Hjh. Nor Azlinda binti Abu Bakar	Fakulti Sains	0/2
5.	En. Syazli bin Md Tahir	UTM International (UTMI)	0/2
6.	Pn. Nurazlyna binti Mohamad Marjid	Fakulti Kejuruteraan	0/2
7.	Pn. Hafizah binti Ahmad	Fakulti Teknologi dan Informatik RAZAK (FTIR)	0/1
8.	Pn. Farahana binti Ahmad	Sekolah Pengajian Siswazah (UTMKL)	Cuti Bersalin

BIL	TURUT HADIR	FAKULTI/JABATAN
1.	Prof. Dr. Izman bin Sudin	Sekolah Kejuruteraan Mekanikal (SKM)
2.	Prof. Dr. Dayang Norhayati bt Abang Jawawi	Fakulti Komputeran
3.	Prof. Madya Dr. Khairur Rijal bin Jamaludin	Fakulti Teknologi dan Informatik RAZAK (FTIR)
4.	Prof. Madya Dr. Suhaimi bin Abu Bakar/Md. Ramli	Sekolah Kejuruteraan Awam (SKA)
5.	Prof. Madya Dr. Aznizam bin Abu Bakar	Sekolah Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Tenaga (SKT)
6.	Prof. Madya Dr. Mohamed Afendi Mohamed Piah	Sekolah Kejuruteraan Elektrik (SKE)
7.	Dr. Dewi Fariha Abdullah	Azman Hashim Int. Business School (AHIBSJB)
8.	Dr. Tan Tian Swee	Sekolah Kejuruteraan Bioperubatan & Sains Kesihatan
9.	Cik Norazlina binti Azizi	Urus setia
10.	Pn. Nor Kamsiah binti Manan	Urus setia
11.	Puan Eka Amira binti Rahim	Urus setia
12.	Pn. Sanisah Hussein	Urus setia
13.	Nurul Nadzinah Binti Miran Han	Urus setia
14.	Nur Saffa binti Md Khdis	Urus setia
15.	Cik Nor Anies binti Tilun	Urus setia
16.	Puan Julianah binti Samion	Urus setia
17.	Pn. Noraliza binti Tasiran	Urus setia

1.0 ALUAN Pengerusi

Pengerusi memulakan mesyuarat dengan Al-Fatihah dan mengucapkan terima kasih kepada ahli yang telah hadir pada mesyuarat kali ini. Beliau memaklumkan bahawa jumlah graduan sehingga akhir tahun ini akan dibawa ke audit MyRa bagi tahun 2019 yang masih lagi tertangguh. Seterusnya beliau menyampaikan makluman dan perkembangan berkenaan perkara-perkara berikut:

1.1 Statistik Graduan & GOT PhD

Pengerusi membentangkan maklumat pencapaian graduan PhD UTM. Graduan PhD untuk bulan November 2020 adalah seramai 42 orang. Ini menjadikan jumlah keseluruhan graduan PhD sehingga November 2020 adalah seramai 461 graduan dengan graduan yang GOT MyRa II adalah seramai 87 orang (18.9%).

Pengerusi juga memaklumkan bahawa terdapat permintaan dari AHIBS, FABU dan juga FSSH untuk menyemak semula sasaran graduan kerana tahun 2020 ini pandemik Covid19 memberi kesan terhadap sasaran asal yang dirancang. Semakan semula ini juga sangat membantu kepada pihak SPS bagi merencanakan sasaran graduan untuk tahun 2021. Sekiranya dapat dikeluarkan unjuran semula sasaran pada tahun ini, ianya akan membantu untuk unjuran sasaeran akan diberikan bagi tahun 2021. Bagi fakulti yang belum memberi gambaran tentang semakan semula sasaran tahun 2020 digalakkan agar dapat menyemak dan memberi unjuran tersebut sebelum mesyuarat JAPSU bulan hadapan bagi membantu perancangan untuk mengeluarkan sasaran/unjuran tahun 2021.

Bagi graduan Sarjana pula, terdapat seramai 17 orang graduan bagi November 2020. Jumlah keseluruhan dari Januari hingga November 2020 adalah seramai 167 orang pelajar. Manakala bagi pelajar GOT adalah seramai 9 orang (5.4%). Graduan Sarjana didapati menurun dibandingkan pada tahun lepas sebanyak 36.3% tetapi terdapat peningkatan sedikit bagi jumlah GOT. Ada sekolah yang masih lagi belum melepasi 60% graduan. Bagi fakulti yang masih lagi pencapaian masih rendah hendaklah membuat semakan terhadap masalah yang berlaku dan perkara ini perlu dibawa ke mesyuarat JKA peringkat fakulti. Perkara ni juga ditekankan oleh pengerusi JKTS iaitu Prof. Ir. Ts. Dr. Zainuddin Bin Abd Manan untuk membuat semakan semula pelajar Sarjana bagi mengelakkan keciciran.

Makluman : Semua

1.2 Statistik SKPG

Pengerusi memaklumkan bahawa SKPG pada asalnya adalah tidak terlibat dengan pascasiswazah. Tetapi bermula tahun lepas (2019) ianya telah melibatkan pelajar pascasiswazah dalam mengumpul maklumat SKPG.

Berikut merupakan maklumat sehingga 22 November 2020. Pelajar yang telah mengisi instrumen SKPG adalah seramai 456 dan yang belum mengisi adalah seramai 680 pelajar. Tugas university adalah untuk mencari 680 pelajar yang belum mengisi dan seboleh mungkin instrumen ini dapat melihat pelajar yang di dalam kolum menunggu penempatan pekerjaan dan belum bekerja. Dengan cara ini, kita boleh mendapat tahu samada pelajar

sudah mendapat pekerjaan atau belum dan juga pelajar yang belum mengisi SKPG 1.

Pihak SPS akan meminta kerjasama fakulti untuk memberi senarai nama PIC (pegawai bertanggungjawab) yang sepatut boleh dihubungi untuk mendapatkan maklumat pelajar pascasiswazah terutamanya daripada program ***taught course dan mix mode*** untuk tindakan selanjutnya. Bagi pelajar pascasiswazah, kaedah sebaik-baiknya adalah samada urusetia/fakulti menghubungi penyelia pelajar untuk membuat peringatan agar pelajar mengisi maklumat SKPG tersebut. Pihak urus setia akan menghubungi PIC difakulti untuk mendapatkan maklumat tersebut.

Untuk makluman, tahun lepas graduan pascasiswazah UTM telah mencapai 87% kebolehpasaran dan ia telah melebihi sasaran 85% yang ditetapkan oleh jawatankuasa.

Tindakan : Urus Setia SKPG SPS & Fakulti

1.3 Pengurusan Akademik

1.3.1 Statistik Pengurusan VIVA dan Pembentangan Proposal

Pengerusi membentangkan statistik pengurusan VIVA dan pembentangan proposal dimana secara keseluruhannya untuk bulan November (sehingga 21 November 2020) adalah sebanyak 116 VIVA yang telah dijalankan secara atas talian manakala 10 untuk Pembentangan Proposal secara atas talian.

Secara keseluruhan VIVA yang telah dilaksanakan bermula bulan April 2020 secara dalam talian kerana keadaan covid19 adalah sebanyak 415 VIVA. Manakala untuk Pembentangan Proposal adalah sejumlah 282.

Makluman : Semua

1.3.2 Permohonan Tangguh Pengajian Bagi Pelajar Semester Maksimum

Terdapat pertanyaan berkaitan penangguhan pengajian bagi pelajar semester maksimum berikutan pandemik covid19. Seperti yang dimaklumkan dalam pekeliling Akademik Bil 3/2020 JTNAAC, pelajar yang dibenarkan hanyalah terpakai bagi pelajar semester maksimum pada semester tersebut iaitu semester lepas (semester II sesi 2019/2020) dan tidak dipanjangkan ke semester ini. Walau bagaimanapun, hasil perbincangan di mesyuarat JKTS, pelajar boleh memohon untuk menangguhkan pengajian pada semester maksimum akan dilihat *case by case* yang tidak dapat dielakkan dan atas justifikasi yang munasabah.

Untuk makluman, pada semester lepas pelajar yang diberikan penangguhan bersama implikasi kewangan dan perkara ini perlu dibincangkan bersama pihak bendahari kerana ianya melibatkan implikasi yuran. Oleh yang demikian, untuk semester ini perlulah berbincang adakah dibenarkan menambah satu semester dengan yuran atau tanpa yuran. Permohonan penangguhan ini perlu dibawa ke Mesyuarat JKTS P&P untuk kelulusan mesyuarat.

1.3.3 Penganugerahan Ijazah Lebih Rendah

Pengerusi mohon perhatian daripada fakulti kerana auditor telah memberi teguran ketika audit SWA akreditasi untuk UTM melaksanakan pindaan mengenai pelaksanaan Penganugerahan Ijazah Lebih Rendah. Teguran tersebut adalah pelaksanaan ijazah lebih rendah tidak patuh dengan saranan MQA. Bermula semester II-2020/2021 akan gunakan borang baharu (BORANG PEMERIKSAN TESIS dan Borang Laporan Pengerusi semasa peperiksaan lisan) dimana tiada lagi penganugerahan ijazah lebih rendah.

Bagi kedua-dua program iaitu Program Ijazah Doktor Falsafah dan Program Doktor Falsafah Fast Track tiada lagi penganugerahan Ijazah lebih rendah.

1) PINDAAN PADA PELAKSANAAN PENGANUGERAHAN IJAZAH LEBIH RENDAH BAGI PROGRAM IJAZAH DOKTOR FALSAFAH:

Bagi pelajar Ijazah Doktor Falsafah sekiranya mendapat keputusan lisan D maka pelajar adalah diminta mendaftar semula sebagai pelajar sarjana penyelidikan. Kaedah pelaksanaannya telah dimaklumkan di dalam Pekeliling Akademik SPS Bil.1/2020. Juga diterangkan terperinci pada minit yang lepas (Mesyuarat Japsu 22 Oktober 2020).

Kaedah dan pelaksanaan ini terpakai kepada pelajar kohort baharu yang mendaftar mulai Semester II Sesi Akademik 2019/2020).

2) PINDAAN PADA PELAKSANAAN PROGRAM PHD FAST TRACK (PENILAIAN KELAYAKAN):

Manakala bagi pelajar fast track, mereka akan ditukarkan kepada sarjana penyelidikan jika calon gagal dalam penilaian kelayakan fast track. Kaedah pelaksanaannya telah dimaklumkan di dalam Pekeliling Akademik SPS Bil.1/2020. Juga diterangkan terperinci pada minit yang lepas (Mesyuarat Japsu 22 Oktober 2020).

Kaedah dan pelaksanaan ini terpakai kepada pelajar PHD Fast Track Kohort baharu yang mendaftar mulai Semester II Sesi Akademik 2019/2020).

Walaubagaimana pun, borang baharu iaitu borang pemeriksaan tesis dan borang laporan pengerusi akan dibawa ke mesyuarat JKKU untuk semakan kurikulum dan selepas mendapat kelulusan diperingkat Senat, penggunaan borang ini akan dimaklumkan kepada semua ahli mesyuarat.

1.4 UTM Pesisir

1.4.1 Pelaksanaan Program UTM Pesisir (Blended Learning)

1.4.1.1 Pengerusi memaklumkan bahawa pihak universiti telah meluluskan pelaksanaan program UTM Pesisir secara *blended learning*. Secara dasarnya SPS hanya mengendalikan program pesisir secara bersemuka. Walaubagaimaan pun disebabkan covid, ianya dijalankan secara online. Sehubungan dengan itu, di masa akan datang dibenarkan untuk membuat program ini secara campuran. Kebaikan dibuat secara campuran adalah yuran lebih murah sekitar RM3000 atau RM4000 bergantung kepada lokasi ianya dijalankan. Pelaksanaan program secara campuran adalah seperti berikut:

- i. Syarahan bagi pelajar akan diadakan secara lebih banyak dalam talian. Iaitu 2 pertemuan dalam talian dan 1 secara bersemuka. Manakala bilangan peperiksaan akan diadakan secara dalam talian dan dibahagi samarata iaitu 6 kursus. Kursus yang dijalankan secara dalam talian boleh dilaksanakan secara *synchronous* ataupun *asynchronous*.
- ii. Penyeliaan projek akan dilaksanakan secara 2 kaedah:
 - a. Projek 1:
Sekali pertemuan secara dalam talian dan sekali pertemuan bersemuka (2 pertemuan keseluruhan).
 - b. Projek 2:
Dua kali secara dalam talian dan sekali secara bersemuka (3 pertemuan keseluruhan).
- iii. Pembentangan pelajar juga dijalankan secara 2 kaedah:
 - a. Projek 1: Secara dalam talian
 - b. Projek 2: Secara bersemuka

Makluman :Semua

1.4.1.2 Sehubungan dengan itu, bagi fakulti yang beminat untuk mengadakan program secara campuran, berikut tadi merupakan kaedah pelaksanaan dan proses penawaran bagi program pesisir secara campuran (Blended Learning) adalah sepertimana slide pembentangan Pengerusi mesyuarat Japsu kali ini (refer slide pendahuluan di e-meysuarat JAPSU) .

Dengan norma baharu ini, mungkin kebanyakan bahan pengajaran sudah ada di dalam talian. Mungkin juga sesetengah fakulti yang berasa kekangan kekurangan pensyarah kerana sentiasa *travel*, ini mungkin adalah pilihan terbaik selain daripada dapat menawarkan program yang murah. Imbuhan bagi setiap pensyarah

adalah sama melainkan tiada lagi kos pengangkutan dan penginapan yang akan digantikan dengan elauan internet.

Makluman : Semua

1.4.2 Program ODL

14.2.1 Pelaksanaan Program ODL

Pengerusi memaklumkan bahawa SPS sedang menguruskan bagi penawaran 4 program ODL dari 3 fakulti (2 SK, 1 SKT, 1 FTIR) dan ianya sedang diperingkat penyediaan COPPA dan dijangka akan ditawarkan 4 lagi program ODL pada tahun hadapan.

Bahagian Pesisir SPS sedang menyediakan dokumen bagi lawatan tapak auditor. Soal selidik tahap kepuasan pelanggan bagi program ODL telah dilaksanakan dan maklumbalas yang diterima menunjukkan sebanyak 80% pelajar berpuas hati dengan program sedia ada.

Bagi program ODL semester I 2020/2021 masih lagi kekal 3 program ODL dan mempunyai seramai 91 orang pelajar baharu. Untuk semester ini ada pertambahan bilangan pelajar dimana AHIBS seramai 42 orang, SP seramai 41 orang dan SKA seramai 8 orang pelajar baharu menjadikan keseluruhan pelajar ODL adalah seramai 120 orang.

Makluman : Semua

14.2.2 Agihan Keuntungan yuran ODL.

Bahagian pesisir melalui Pejabat Bendahari telah membuat agihan kecuali SKA yang belum memaklumkan vot tabung amanah mereka. Jumlah berikut yang diagihkan untuk semester II 2019/2020 dan SPS akan membuat pengiraan pada setiap semester dan agihan ini adalah agihan yang pertama iaitu:

SKA 5 pelajar – RM8640.00,

SP 13 pelajar – RM18252,

AHIBS 13 pelajar – RM39657 (dan ada pertambahan sebanyak RM8976 setelah pelarasan dibuat).

Pengerusi memaklumkan terdapat permintaan untuk memberikan penghargaan kepada pensyarah yang bekerja diluar waktu pejabat dan mengeluarkan modal untuk mengadakan kelas online. Mesyuarat bersetuju agar ianya terpulang kepada fakulti cara bagaimana untuk memberi saguhati (token) kepada pensyarah yang terlibat.

Prof. Dr. Dayang Norhayati binti Abang Jawawi (FE) mengemukakan pertanyaan kebarangkalian bagi pensyarah yang mengajar ODL diberi bayaran seperti program pesisir. Pengerusi memaklumkan bahawa pensyarah ODL tidak diberi bayaran sepertimana program pesisir. Walaubagaimanapun, berdasarkan keuntungan yang diagihkan kepada fakulti, fakulti boleh memberi hadiah/honorarium/saguhati kepada pensyarah-pensyarah terlibat.

Makluman : Semua

1.5 Penajaan

SPS sedang memproses permohonan pelajar bagi UTM NPF dan IDF. Pelajar telah menghantar permohonan pada 5 hingga 28 Oktober 2020 dan pengesahan oleh penyelia dan TDA pada 5 hingga 8 November 2020. Satu mesyuarat jawatanluasa biasiswa akan diadakan dalam masa terdekat ini. Untuk permohonan Biasiswa Zamalah, urusetia dan jawatankuasa akan melaksanakan sesi temuduga secara dalam talian. Bilangan yang memohon biasiswa zamalah hanya seramai 136 dan bakal penerima yang akan dipilih adalah hanya seramai 9 orang berdasarkan peruntukan yang ada. Kelaziman seperti pelaksanaan yang lepas, sesi temubual ini akan melibatkan wakil dari setiap fakulti dan akan dipecahkan beberapa sesi.

Bagi permohonan NPF dan IDF, dana yang diberikan adalah mencukupi dan sekiranya pelajar memenuhi syarat dan kriteria, mereka akan diluluskan untuk mendapat biasiswa tersebut.

Tindakan : Urus Setia SPS

1.6 Penggunaan Borang

Pengerusi memaklumkan sepertimana yang ditegur didalam mesyuarat JKTS yang lalu berkaitan penggunaan borang, Pengerusi memohon kepada fakulti yang menguruskan VIVA untuk lebih peka tentang penggunaan borang-borang VIVA dan berharap kesilapan penggunaan borang ini tidak akan berlaku lagi di masa hadapan.

Tindakan : Semua Fakulti

1.7 Penyeliaan

En Asram memaklumkan berkenaan FE yang telah menerima beberapa teguran daripada pemeriksa luar mengenai kualiti tesis pelajar yang begitu teruk sehingga tidak mahu memeriksa tesis berkenaan kerana terlalu banyak kesilapan yang terdapat di dalam tesis itu .

Pengerusi memaklumkan hal-hal ini perlu dibincangkan dikalangan pentadbir akademik dan bukan akademik di mesyuarat JKA Fakulti untuk tindakan penambahbaikan di kalangan penyelia dan pelajar.

Berkenaan potensi kemampuan seseorang penyelia untuk menyelia ramai bilangan pelajar. Terdapat fakulti yang menerima banyak sangat kemasukan pelajar daripada SRAD sehingga kapasiti seseorang penyelia untuk menyelia tidak ideal. Sehubungan dengan itu, mesyuarat bersetuju agar pihak Fakulti boleh emel kepada SRAD untuk memaklumkan bahawa fakulti tidak lagi

mampu untuk menerima pelajar disebabkan kapasiti seseorang penyelia sudah mencapai tahap maksimum. KPI untuk kemasukan pelajar semakin tinggi. Oleh yang demikian, kemampuan seorang staf perlu diseimbangkan kerana ramai staf akan bersara dalam 2 tahun akan datang ini. Hal ini perlu dilihat secara serius untuk menjaga kualiti penyelidikan dan kualiti akademik UTM.

Pengerusi menyeru dan mempelawa kepada ahli mesyuarat dan fakulti, jika ada latihan-latihan/kurus yang boleh dicadangkan kepada pihak SPS untuk dilaksanakan/ditawarkan kepada penyelia dan pensyarah UTM. Perkara ini boleh dimaklumkan kerana ini termasuk di dalam KAI/KPI Universiti bagi tujuan pembangunan staf. Pengerusi bercadang untuk membuat satu sesi khas dengan pentadbir akademik untuk mendapat maklumbalas dan melihat jenis bantuan yang boleh diberikan bagi penyelesaian kepada isu ini.

Makluman : Semua

2.0 STATUS SEMAKAN KURIKULUM PASCASISWAZAH

Pn Nor Kamsiah bt Manan, Penolong Pendaftar SPS membentangkan status semakan kurikulum pascasiswazah seperti berikut:

- 2.1 Sehingga hari ini sebanyak 50% daripada program kerja kursus dan campuran telah lulus di JKKU. Pada hari ini kertas kerja Sarjana Falsafah dan Doktor Falsafah sebanyak 110 program akan dibentangkan di JKKU beserta dengan 4 program sarjana kerja kursus daripada MJIIT. Sekiranya diluluskan di JKKU pada hari ini ianya akan meningkatkan lagi peratus kelulusan tersebut.

Mohon kerjasama FABU dan SKT untuk bertindak segera berkaitan kemasukan kertas kerja ke JKKU yang agak perlahan kemajuannya.

Untuk program-program lain yang akan masuk ke JKKU, dimohon agar fakulti menyemak nama program mesti mengikut pada nama yang telah diluluskan di dalam Kertas Kerja Konsolidasi 2014. Dimana kertas kerja konsolidasi 2014 telah ditetapkan bagi Sarjana Kerja Kursus perlu ada nama *bracket*, bagi Sarjana Campuran perlu ada bidang pengkhususan dan hanya beberapa kes khas yang tidak memerlukan pengkhususan.

SPS akan membawa program falsafah yang perlu ada bidang penyelidikan. Mohon Kerjasama semua fakulti untuk mengambil maklum perkara ini semasa program dan kertas kerjanya dimasukkan ke JKKU. SPS dan QRIM dalam proses pemutihan kod-kod program bagi sistem AIMS untuk dimasukkan ke dalam sistem QAAS. Selepas ini, sekiranya dapat dilaksanakan perlu disamakan kerja kursus perlu ada nama *bracket*, campuran perlu ada pengkhususan dan falsafah perlu ada bidang penyelidikan.

Pengerusi memaklumkan bahawa surat MQA untuk melaksanakan MQF 2.0 hampir sampai ke tarikh akhir iaitu tahun ini bagi semakan kurikulum dan bakal menyusul adalah untuk pra siswazah. Mohon untuk semua maklum dan mengambil tindakan bagi mana-mana fakulti/sekolah yang belum membuat semakan kurikulum untuk mengelakkan pertembungan dengan semakan kurikulum pra siswazah.

Tindakan : Semua Fakulti

2.2 Kursus Penyeliaan (AS)

Secara dasarnya kursus dijalankan oleh pihak SPS dengan kerjasama bersama UTMLead dan pada tahun ini kelulusan untuk mengadakan kursus (AS101,AS102,AS104,AS201 dan AV101) ini hanya akan diberikan mengikut bajet penganjuran sekali setahun sahaja.

Bagi AS 102 setiap fakulti juga diberikan bajet penganjuran setahun sekali sahaja. Semua fakulti telah menjalankan kursus AS 102 ini kecuali AHIBS dan FABU. Untuk tahun hadapan UTMLead memaklumkan penganjuran ini dikekalkan dan mereka perlu membuat bajet tahunan dan kekerapan kursus ini adalah sekali setahun. Mohon fakulti ambil maklum perkara ini terutamanya AS 101 dimana sebelum ini SPS akan melaksanakan kursus tersebut 2 kali setahun, tetapi bermula tahun 2020 memandangkan modul AS 101 telah dimasukkan ke dalam *bc4dcp* maka akan dibuat sekali sahaja untuk kumpulan bukan staf baharu dan kontrak. Sehubungan dengan itu, mohon pihak fakulti untuk kumpulan nama bagi staf lama yang belum menghadiri AS 101 dan staf kontrak untuk hadir kursus ini dan memajukan nama-nama tersebut kepada pihak SPS.

Tindakan : Semua Fakulti

3.0 MELULUSKAN MINIT MESYUARAT JAPSU BIL 1 /2020/2021

Minit mesyuarat diluluskan dengan cadangan oleh Prof. Dr. Izman bin Sudin dan disokong sebulat suara tanpa sebarang pindaan.

Makluman : Semua

4.0 LAPORAN BAHAGIAN PENGURUSAN AKADEMIK (AMD)

Puan Safriza bt Sabjah, Penolong Pendaftar AMD membentangkan maklumat dan laporan AMD seperti berikut:

4.1 Cadangan Pra Pendaftaran Pascasiswazah

Pihak AMD mencadangkan dilaksanakan pra-pendaftaran bagi program pascasiswazah khususnya kerja kursus. Perkara ini belum diputuskan lagi dan maklumbalas dari fakulti amat diperlukan. Untuk pra-pendaftaran, fakulti perlu membuat penawaran kursus untuk semester hadapan pada minggu 4 hingga 10 di semester semasa. Oleh yang demikian, penyediaan jadual waktu fakulti/ sekolah perlu dibuat pada minggu 4 hingga minggu 10 bagi membolehkan pelajar membuat pra-pendaftaran pada minggu 12 dan 13 di semester semasa.

Terdapat 73 program Kerja Kursus dan 33 program Mod Campuran. Pihak AMD meminta persetujuan atau pandangan mesyuarat tentang pelaksanaan *pilot test* atas satu fakulti atau semua program dijadikan *pilot test* untuk pra-pendaftaran tersebut

- 4.1.1 En. Asram bin Sulaiman memberi maklumbalas bahawa perkara ini boleh dilaksanakan tetapi semua harus mengambil maklum bahawa

akan ada kesilapan dan perlu ada pembetulan semasa pendaftaran wajib.

Pengerusi mencadangkan setiap fakulti ambil 4 program sebagai *pilot test*. Walaubagaimanapun, pihak fakulti lebih mengetahui tentang kemampuan untuk persediaan data ini sebelum minggu ke 12. Oleh yang demikian, mesyuarat mencadangkan perkara ini dibawa kembali ke fakulti dan dibentangkan di dalam mesyuarat JAPSU akan datang.

Tindakan : Semua Fakulti

- 4.1.2 Pelaporan peperiksaan di dalam power BI terdapat 6 jenis pelaporan. Ini akan dibentangkan di setiap hujung semester di dalam Mesyuarat JKTS P&P. Mohon untuk dapatkan maklumbalas dari fakulti jika ada apa-apa bentuk keperluan pelaporan di dalam power BI. Sekiranya ada sebarang penambahan, pihak AMD akan membuat perbincangan dengan UTM Digital. Dimaklumkan juga sekiranya terdapat penambahan yang besar, pihak AMD bercadang untuk mengadakan bengkel analisis keputusan peperiksaan bersama fakulti dan disekalikan dengan program UG.

Pengerusi mencadangkan untuk menambah statistik pelaporan keciciran pelajar dan pengiraan IGot.

Sekiranya fakulti ada penambahan selepas ini, boleh diemelkan kepada pihak AMD atau dibawa kembali ke mesyuarat JAPSU yang akan datang.

Tindakan : AMD

- 4.1.3 Prof Dr. Izman bin Sudin mencadangkan agar mana-mana soalan yang ditanya seperti contoh pelajar sakit, tukar program dan keciciran dijadikan asas untuk mengkaji data-data yang diperlukan untuk analisis yang seterusnya.

Pihak AMD telah mengambil maklum tentang perkara/isu yang dibangkitkan ini dan akan mencadangkannya untuk dibuat pelaporan di dalam Power BI.

Makluman : Semua

5.0 LAPORAN BAHAGIAN REKRUTMEN & PENGAMBILAN MAHASISWA (SRAD)

Puan Najwa binti Mohamed, Penolong Pendaftar SRAD membentangkan maklumat dan laporan SRAD seperti berikut:

5.1 Laporan Ambilan Pelajar Baharu Semester I 2020/2021

Pihak SRAD membentangkan statistik pelajar yang telah mendaftar bagi program pascasiswazah ambilan Oktober 2020 (Aliran Perdana), walaubagaimana statistik ini masih berubah kerana masih berlaku proses pendaftaran pelajar-pelajar baharu pengajian penyelidikan.

Setakat ini jumlah pelajar pascasiswazah adalah seramai 1524 dengan pecahan pelajar untuk tempatan 1104 dan antarabangsa 420. Manakala

pecahan bagi pelajar Doktor Falsafah adalah seramai 284 dan pelajar Sarjana Falsafah seramai 136.

Jumlah agak rendah dari semester lepas, antara faktor pengurangan bilangan pelajar adalah sebab pandemik covid19, terkesan dengan ekonomi dan pelajar antarabangsa menhadapi masalah perjaanan/penerbangan dan visa.

Enrolmen pelajar adalah seramai 20556 pelajar tempatan manakala pelajar antarabangsa 4691 dan jumlah keseluruhan adalah 25247 pelajar.

Makluman : Semua

5.2 Trend Pengambilan Pelajar

Trend pengambilan pelajar antarabangsa untuk ambilan Februari 2020 dan Oktober 2020 agak jatuh disebabkan covid19 dan beberapa faktor lain. Sasaran untuk tahun 2020 adalah seramai 1500 pelajar. Walaubagaimana pun, SRAD sedang mencuba untuk mencapai sasaran 1500 tersebut kerana pendaftaran masih berlangsung dan ianya menunjukkan peningkatan.

Perbandingan trend pengambilan pelajar pascasiswazah bagi tahun lepas dengan Februari 2020 ada peningkatan. Bagi bulan September, pihak SRAD masih lagi mencuba untuk capai jumlah sepertimana tahun lepas.

Untuk pelajar tempatan ianya menunjukkan pengurangan pelajar yang mendaftar kerana faktor-faktor ketiadaan biasiswa dan MyBrain. SRAD cuba untuk mempromosikan program ODL dan Pesisir serta bantuan dari fakulti diperlukan untuk tingkatkan ambilan PG. Pihak SRAD juga telah mengadakan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan pengambilan PG seperti pengurangan yuran dan sebagainya.

Terdapat juga kekurangan pelajar dari pelajar berpenaja kerana penaja tidak yakin dengan pembelajaran secara online. Penaja hanya akan meluluskan biasiswa jika pembelajaran secara bersemuka sahaja.

Makluman : Semua

5.3 Penawaran Program Pesisir

5.3.1 Trend Ambilan

Trend ambilan program pesisir mulai 2018-2020 mengikut fakulti : dari segi bilangan mengikut semester ada penurunan dalam beberapa program. Trend ambilan bagi setiap program adalah seperti berikut:

i) SKE

Setiap semester ada pengambilan pelajar dimana Intel masih meluluskan penajaan program ini.

ii) SKM

Program di Johor Bahru masih terdapat banyak permohonan. Walaubagaimanapun, ianya tidak dapat dijalankan kerana tidak mencukupi 15 orang. Sekiranya, pihak SKM dapat mencari bilangan pelajar yang mencukupi untuk program MKMM kemungkinan ia boleh dijalankan di Johor Bahru.

iii) SKT

Bilangan pelajar mendaftar masih ada dan konsisten semenjak tahun 2019.

iv) SP

Hanya program psikologi sahaja yang mempunyai pelajar mendaftar pada semester I-2019/2020 di Kluang.

v) SPSMP

Masih terdapat bilangan pelajar mendaftar setiap semester bagi Johor Bahru. Manakala di Kuala Lumpur tidak dapat dijalankan kerana bilangan tidak mencukupi kos efektif.

vi) FABU

Sekumpulan pelajar INSPEN telah mendaftar dan sehingga semester ini setelah 3 semester ianya tiada kemasukan daripada kumpulan ini.

Pihak SRAD mencadangkan untuk menawarkan program pesisir di Kuala Lumpur kerana terdapat permintaan yang tinggi khususnya bagi pelajar antarabangsa. Walaubagaimanapun, pihak SRAD diarahkan untuk tidak menawarkan sebarang program pesisir kepada pelajar antarabangsa. Mesyuarat dimaklumkan oleh SRAD bahawa Program Pengurusan Projek mendapat sambutan daripada pelajar tempatan dan juga antarabangsa tetapi program ini hanya dijalankan di Kuala Lumpur sahaja.

Pengerusi memohon untuk SRAD berbincang dengan SKA jika mempunyai permintaan yang tinggi dan boleh dicadangkan jika program ini boleh dijalankan secara ODL. Jika terdapat permintaan yang tinggi, SKA mungkin boleh mempertimbangkan untuk meneruskan penawaran program ini. Bagi pelajar antarabangsa pula, terdapat isu yang perlu dilihat jika ditawarkan program pesisir iaitu perlu lebih jelas mengenai VISA mereka dan pemberitahuan tentang maklumat program ini dengan betul kerana terdapat masalah semester yang lepas/terdahulu bahawa mereka tidak tahu tentang kelas program pesisir yang diadakan pada hujung minggu dan terpaksa tambah satu semester atau lebih berbanding pelajar lain yang mengikut program perdana.

Puan Najwa menyatakan bahawa pelajar pesisir juga perlu untuk memohon VISA seperti pelajar lain dan di dalam surat tawaran tidak dinyatakan sama ada pelajar mengikuti pengajian secara sepenuh masa atau separuh masa. Tambahan pula, SRAD juga telah memaklumkan kepada agen-agen bahawa program pesisir adalah program hujung minggu, perlu untuk memohon VISA seperti pelajar lain dan tempoh pengajian di mana bilangan semester mereka akan menjadi semester 4 sehingga 8.

Prof. Madya. Dr Mohamed Afendi bin Mohamed Piah menekankan agar pihak SRAD perlu menyemak semula tentang penawaran program pesisir kepada pelajar antarabangsa kerana dikhuatiri pelajar menyalahgunakan pas VISA pelajar untuk bekerja di hari biasa dan fenomena ini akan memungkin berlaku pengurangan pelajar pada program perdana di Johor Bahru berbanding Kuala Lumpur.

Pengerusi memohon SRAD untuk membentangkan semula pada mesyuarat JAPSU hadapan tentang maklumat pelaksanaan penawaran program pesisir

kepada pelajar antarabangsa seperti punca kuasa, yuran, isu imegresen dan sebagainya.

Makluman : Semua

5.3.2 Bilangan Ambilan Program Pesisir

Setakat ini jumlah pelajar adalah seramai 958 dengan pecahan tempatan 895, dan antarabangsa 63. Jumlah ini adalah daripada tahun 2018 sehingga 2020. Bagi tahun ni, SPS telah memaklumkan untuk tidak menawarkan program pesisir pada tahun 2020. Walaubagaimanapun, ada sebahagian pelajar yang telah memohon VISA untuk program di KL. Maka SRAD terpaksa menawarkan program tersebut kepada pelajar berkenaan kerana ia akan menyebabkan pelajar terpaksa membayar sekali lagi jika mahu memohon VISA semula dan hampir kesemua yang memohon program pesisir di KL telah ditukarkan ke program perdana.

Makluman : Semua

6.0 PERAKUAN PERLANTIKAN PEMERIKSA TESIS PELAJAR DOKTOR FALSAFAH (PhD) - NOTIS HANTAR TESIS (NHT)

6.1 FAKULTI KEJURUTERAAN

Mesyuarat telah memperakukan dan meluluskan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah bagi fakulti seperti berikut:

6.1.1 SEKOLAH KEJURUTERAAN AWAM

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	ADESHINA ADEWALE ADEWUMI	PKA173110
2	ALI FALLAH	PA133031
3	ARSHAD ULLAH	PKA173048
4	MUHAMMAD NAJMI BIN MOHAMAD ALI MASTOR	PKA173018
5	MUHAMMAD ZUBAIR BIN TAJOL ANUAR	PKA173012
6	MUJEDU KASALI ADEBAYO	PKA173052
7	MUSTAFA WAJDI JALAL WAJDI	PKA173040
8	MUTTAQA UBA ZANGO	PKA173100
9	NOR FARAH ATIQA BINTI AHMAD	PA133016
10	NURIZATY BINTI ZUHAN	PKA173021
11	ZAID HAZIM HUSSEIN AL-SAFFAR	PKA183028
12	ZANARIAH BTE JAHYA	PA133059

6.1.2 SEKOLAH KEJURUTERAAN ELEKTRIK

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	ATTAULLAH KHIDRANI	PKE173031

2	INTAN MAISARAH BINTI ABD RAHIM	PE123049
3	MOSAB HAMDAN ADAM MOHAMED ALHASSAN	PKE143062
4	RAI NAVEED ARSHAD	PKE163061
5	SHAIK MAZHAR HUSSAIN	PKE173001

6.1.3 SEKOLAH KEJURUTERAAN BIOOPERUBATAN & SAINS KESIHATAN

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	CHIENG THION MING	PMB163028

6.1.4 SEKOLAH KEJURUTERAAN KIMIA & KEJURUTERAAN TENAGA

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	NIZAR MU'AMMAR BIN MAHPOZ	PKK163073
2	NOOR HIDAYAH BINTI ABD RAHMAN	PKK163060

6.1.5 SEKOLAH KOMPUTERAN

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	AHMED SAIFULLAH SAMI	PCS143036
2	MOHD RASHDAN BIN ABDUL KADIR	PC133080
3	SHERIF MAGDY MOHAMED ABDELAZIZ BARAKAT	PCS173040

Tindakan : SPS & FK

6.2 FAKULTI ALAM BINA DAN UKUR

Mesjuarat telah memperakukan dan meluluskan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah bagi fakulti seperti berikut:

NO	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	AYOOSU MOSES IORAKAA	PBE183023
2	DANBOYI JOSEPH AMUSUK	PGH143033
3	HAFIZ AMINU UMAR	PGH173027
4	HASHIM ABDULLAHI	PBE173053
